

**Dewan Ulamak PAS Selangor Kecam Dua ADUN Sokong Wan Azizah  
Bernama  
Aug 31, 2014**

SHAH ALAM, 31 Ogos (Bernama) -- Muktamar Tahunan Dewan Ulamak PAS Selangor, Ahad, sebulat suara meluluskan usul mengutuk dan mengecam dua Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS yang menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon menteri besar baharu.

Menurut catatan Facebook terbaharu Dewan Ulamak PAS Selangor itu, usul berkenaan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Tatatertib PAS Pusat untuk diambil tindakan berdasarkan Fasal 82 Perlembagaan PAS (Pindaan) 2011.

Sebelum ini, ADUN Hulu Kelang, Saari Sungib dan ADUN Morib, Hasnul Baharuddin dilaporkan menandatangani akuan bersumpah menyokong pencalonan Dr Wan Azizah sebagai calon menteri besar menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, tanpa persetujuan dan pengetahuan PAS pusat.

Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman, yang mengesahkan perkara itu, berkata pihaknya menjangka banyak lagi aduan dan usul akan dibuat serta dihantar kepada Jawatankuasa Disiplin parti berhubung tindakan dua ADUN berkenaan.

"Kita tahu ada lagi usaha untuk memancing ADUN kita di Selangor. Kita ada maklumat lengkap siapa terlibat dan kita akan dedahkan nama pelobi ini jika permainan ini tidak dihentikan segera," katanya dalam satu kenyataan, Ahad.

Kemelut politik Selangor menjadi lebih tegang apabila Abdul Khalid diminta meletak jawatan setelah didakwa kehilangan sokongan 30 ADUN termasuk dua daripada PAS.

Berikutan itu, pada Selasa lepas, Abdul Khalid menyatakan hasrat kepada Sultan Selangor untuk melepaskan jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, Sultan Sharafuddin Idris Shah menangguhkan untuk menerima peletakan jawatan Abdul Khalid sehingga pelantikan menteri besar baharu dibuat.

Baginda juga menitahkan PAS, DAP dan PKR masing-masing mempersembah lebih daripada dua nama sebagai calon menteri besar selewat-lewatnya 3 Sept ini.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064979>